

aab

MALAYSIA SEDIA KONGSI KEPAKARAN DENGAN TANZANIA

Mahathir - Selatan

Daripada Kuah Guan Oo

I

DAR ES SALAAM, 24 Okt (Bernama) -- Malaysia bersedia berkongsi pengalaman dan kepakaran dengan Tanzania kerana ia yakin negara-negara Selatan sangat perlu meningkatkan kerjasama sesama mereka, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam tadi.

Ketika berucap pada majlis jamuan oleh Presiden Ali Hassan Mwinyi di hari pertama lawatan tiga harinya ke Tanzania, Perdana Menteri menarik perhatian bahawa negara-negara Selatan terus menghadapi masalah dalam order baru dunia yang baru muncul.

Perbezaan daripada segi pembangunan, beban hutang yang bertambah, kemusnahan alam sekitar dan kejatuhan harga komoditi adalah antara masalah yang berpanjangan, katanya.

+Bagaimanapun sambil kita mengatasi masalah ini, kita tidak seharusnya lepaskan peluang-peluang di hadapan kita,+ katanya dan menambah bahawa mereka mengakui betapa pentingnya program ekonomi yang pragmatik dan hubungan yang membina dengan Utara dan negara maju.

+Kita harap Utara akan bertindak balas kepada hasrat ini dengan sikap yang serupa,+ kata beliau.

Sebelum itu, Perdana Menteri mengadakan perbincangan lebih dua jam dengan Presiden Ali Hassan diikuti dengan majlis menandatangani perjanjian ekonomi, teknikal, saintifik dan kebudayaan antara kedua-dua negara, yang sama-sama menjadi anggota kumpulan Selatan, Pergerakan Negara Berkecuali dan Komanwel. -- Lagi.

♥24/10/10-33MST

aab

Mahathir - Selatan 2 Dar Es Salaam

Perjanjian itu, yang disaksikan oleh kedua-dua pemimpin itu, ditandatangani oleh Menteri Pertanian Datuk Seri Sanusi Junid selaku Pemangku Menteri Luar bagi pihak kerajaan Malaysia dan Menteri Hal Ehwal Luar dan Hubungan Antarabangsa Tanzania, Mr A. H. Diria.

Yang turut hadir dalam perbincangan itu dari Malaysia ialah Utusan Khas Tan Sri Ghazali Shafie, Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Utama Tan Sri Wong Kum Choon dan Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Harun Siraj.

Wakil Tanzania pula termasuk Perdana Menteri John Malacela, Setiausaha Agung parti pemerintah Horace Kolimba, Naib Presiden Kedua Dr Salmin Amour dan menteri-menteri kabinet.

Datuk Seri Dr Mahathir juga berkata laporan akhir Suruhanjaya Selatan yang dilancarkan di Caracas, Venezuela baru-baru ini -- hasil usaha Pengerusinya dan bekas Presiden Tanzania Dr Julius Nyerere -- menyediakan satu rancangan yang tidak ternilai mengenai pembangunan ekonomi Selatan.

+Oleh kerana intipati matlamat laporan itu menggariskan Selatan mesti bergerak ke hadapan dan mencari tempatnya sendiri dalam dunia, kini terpulang kepada kita untuk mengambil peluang daripada potensi kerjasama itu,+ tambahnya.

Beliau berkata tanpa mengambil kira sumber-sumber terhad Malaysia, ia telah menghulurkan bantuan dengan semangat kerjasama Selatan-Selatan kepada beberapa negara membangun di Afrika termasuk Tanzania. -- Lagi.

♥24/10/10-38MST

aab

Mahathir - Selatan 3 (akhir) Dar Es Salaam.

Selain melatih beberapa orang pegawai Tanzania di bawah Program Kerjasama Teknikal, Malaysia juga telah memberi sumbangan kepada negara-negara barisan hadapan di bawah Tabung Afrika.

+Kami akan terus membantu rakan-rakan di Afrika dengan apa cara yang mampu pada masa akan datang. Sekurang-kurangnya kita boleh belajar daripada satu sama lain+.

+Selagi ada keazaman politik, usaha kita untuk menikmati kehidupan yang lebih baik oleh rakyat kita dalam semangat kerjasama Selatan-Selatan boleh menjadi kenyataan,+ kata beliau.

Datuk Seri Dr Mahathir juga berkata perjanjian yang ditandatangani itu adalah +tepat+ dan mewujudkan satu rangka untuk peningkatan kerjasama Malaysia-Tanzania. -- Bernama.